

# Amalan bacaan pada bulan Muharram

## (a) Bacaan hari pertama Muharram (1 Muharram)

Baca 360 kali:

( بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ ) ( اَللّٰهُ لَا اِلهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ  
الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِی السَّمٰوٰتِ وَمَا  
فِی الْاَرْضِ مَن ذَا الَّذِی یَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ یَعْلَمُ مَا  
بَیْنَ اَیْدِیْهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۗ وَلَا یُحِیْطُوْنَ بِشَیْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ  
اِلَّا بِمَا شَاءَ ۗ وَسِعَ كُرْسِیُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ ۗ وَلَا  
یَئُودُهٗ حِفْظُهُمَا ۗ وَهُوَ الْعَلِیُّ الْعَظِیْمُ )

Setelah habis jumlah 360 kali tersebut, baca doa:

اَللّٰهُمَّ يَا مُحَوَّلَ الْاُحْوَالِ، حَوَّلْ حَالِي اِلَى اَحْسَنِ  
الْاُحْوَالِ، بِحَوْلِكَ وَقُوَّتِكَ يَا عَزِيزُ يَا مُتَعَالٍ، وَصَلَّى اللّٰهُ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

“Ya Allah, wahai Yang mengubah keadaan-keadaan, ubahlah keadaanku kepada keadaan yang terbaik, dengan daya dan kekuatan-Mu wahai Yang Maha Mulia lagi Maha Tinggi. Semoga Allah merahmati dan memberi keselamatan kepada Penghulu kami, Nabi Muhammad, keluarga dan sahabat Baginda.”

### **Keterangan:**

Al-Allamah Syaikh Abdul Hamid bin Muhammad Ali bin Abdul Qadir Qudus al-Makki, seorang ulama' besar di Masjidil Haram dalam kitabnya **Kanz an-Najah wa as-Surur** (ms. 26-27) menyebutkan:

قال شيخنا وشيخ مشايخنا العارف بربه المنان، سيدنا ومولانا السيد أحمد بن زيني دحلان، رحمه الله تعالى كما نقلته من خطه في سفينته: ذكر بعضهم أنه يقرأ في أول يوم من المحرم آية الكرسي ثلاثمائة وستين مرة مع البسمة في كل مرة، فإنها حصن حصين من الشيطان الرجيم في ذلك العام، وفيها من الفوائد ما لا يعد ولا يحد، وكان شيخنا يعني الشيخ عثمان الدميّاطي رحمه الله تعالى مواظبًا على ذلك، وينبغي فعلها قبل الدعاء.

وقال العلامة الشيخ حسن العدوي الحمزاوي في النفحات النبوية في الفضائل العاشورية: ذكر الشيخ أبو اليسر القطان، تلميذ الشيخ كريم الدين الخلوتي، عن الشيخ دمرداش الكبير رحمهم الله تعالى: من قرأ آية الكرسي في أول يوم من المحرم ثلاثمائة وستين مرة يبسمل في أول كل مرة، وعند الفراغ من جميع ذلك يقول: ( اللهم يا محول الأحوال، حول حالي إلى أحسن الأحوال، بحولك وقوتك يا عزيز يا متعال، وصلى الله تعالى على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم )، فإنه يوقى ما يكرهه في جميع العام.

“Guru kita dan guru kepada para guru kita iaitu *Al-Arif bi Rabbihil Manan*, penghulu dan panutan kita, As-Sayyid Ahmad bin Zaini Dahlan, *rahimahullahu ta’ala*, seperti yang aku telah nukilkan daripada tulisan beliau sendiri dalam **Safinahnya** berkata: ‘Sebahagian mereka (para ulama’) menyebutkan bahawa pada hari pertama Muharram dibaca Ayatul Kursi sebanyak 360 kali bersama basmalah setiap kali membacanya kerana ia adalah benteng yang kukuh daripada syaitan yang direjam pada tahun tersebut. Padanya juga terdapat faedah-faedah yang tidak terkira dan tidak batas. Syaikh kami iaitu Syaikh Utsman ad-Dimyathi *rahimahullah* bermuwazhabah (selalu mengamalkan)

perkara tersebut. Sewajarnya (sebaiknya) melakukannya sebelum berdoa.

Al-Allamah asy-Syaikh Hasan al-Adawi al-Hamzawi berkata di dalam *An-Nafahat an-Nabawiyyah fi al-Fadha'il an-Nabawiyyah fi al-Fadha'il al-'Asyuriyyah*: 'Syaikh Abu al-Yusr al-Qaththan, murid kepada Syaikh Karimuddin al-Khalwati menyebutkan daripada Syaikh Damardasy al-Kabir *rahimahumullahu ta'ala*: 'Sesiapa yang membaca Ayatul Kursi pada hari pertama bulan Muharram sebanyak 360 kali dengan membaca basmalah setiap kali membacanya (Ayatul Kursi) dan ketika selesai daripada semua (jumlah) tersebut dia membaca: *Allahumma ya Muhawwilal ahwal...*' (sehingga penghujung doa tadi), sesungguhnya dia terpelihara daripada apa sahaja yang dia tidak suka di sepanjang tahun tersebut.'"

### **(b) Bacaan pada 1 hingga 10 Muharram**

Baca setiap hari sebanyak 3 kali:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ قَدِيمٌ، وَهَذَا الْعَامُ جَدِيدٌ قَدْ أَقْبَلَ وَسَنَةٌ  
جَدِيدَةٌ قَدْ أَقْبَلَتْ، نَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِهَا وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّهَا، وَنَسْتَكْفِيكَ فَوَاتِهَا وَشُغْلَهَا، فَارْزُقْنَا الْعِصْمَةَ  
مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ، اللَّهُمَّ إِنَّكَ سَلَّطْتَ عَلَيْنَا عَدُوًّا  
بَصِيرًا بَعِيُوبِنَا، وَمُطْلِعًا عَلَى عَوْرَاتِنَا، مِنْ بَيْنِ أَيْدِينَا

وَمِنْ خَلْفِنَا، وَعَنْ أَيْمَانِنَا وَعَنْ شَمَائِلِنَا، يَرَانَا هُوَ  
وَقَبِيلُهُ مِنْ حَيْثُ لَا نَرَاهُمْ. اَللّٰهُمَّ اَيِسُهُ مِنَّا كَمَا اَيَسْتَهُ  
مِنْ رَحْمَتِكَ، وَقَنْطُهُ مِنَّا كَمَا قَنْطَتَهُ مِنْ عَفْوِكَ، وَبَاعِدْ  
بَيْنَنَا وَبَيْنَهُ كَمَا حُلْتَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ مَغْفِرَتِكَ، اِنَّكَ قَادِرٌ  
عَلَىٰ ذٰلِكَ، وَاَنْتَ الْفَعَّالُ لِمَا تُرِيدُ، وَصَلَّى اللّٰهُ عَلٰى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

“Ya Allah, sesungguhnya Engkau adalah Tuhan yang Qadim, tahun baru ini telah datang. Kami memohon kepada-Mu kebbaikannya dan kami berlindung dengan-Mu daripada kejahatannya. Kami berserah kepada-Mu daripada kekurangan dan kesibukannya. Maka, rezekikanlah perlindungan kepada kami daripada syaitan yang direjam. Ya Allah, Engkau telah menguasai kami dengan musuh kami dapat melihat keaiban kami dan mengetahui cacat cela kami sama ada daripada hadapan, belakang, kanan dan kiri kami. Ia dan pengikut-pengikutnya dapat melihat kami sedangkan kami tidak dapat melihat mereka. Ya Allah, jadikanlah ia berputus asa terhadap kami seperti mana Engkau telah jadikan ia berputus asa daripada rahmat-Mu. Jadikanlah ia berputus asa terhadap kami seperti mana Engkau telah jadikan ia berputus asa daripada keampunan-Mu. Jauhkanlah ia daripada kami seperti mana Engkau telah menghalangi antaranya dengan keampunan-Mu. Sesungguhnya Engkau adalah Yang berkuasa di atas perkara itu. Engkau adalah Yang melakukan apa yang Engkau kehendaki. Semoga Allah merahmati dan

memberi keselamatan kepada Penghulu kami, Nabi Muhammad, keluarga dan sahabat Baginda.”

### **Keterangan:**

Al-Allamah Syaikh Abdul Hamid Quds al-Makki menyebutkan dalam kitabnya ***Kanz an-Najah wa as-Surur*** (ms. 34):

قال شيخنا وشيخ مشايخنا العلامة الإمام أحمد زيني دحلان المذكور أيضًا، للحفاظ من الشيطان في جميع العام، تقول كل يوم من العشر الأول من شهر المحرم ثلاث مرات: اللهم إنك قديم...

“Guru kita dan guru kepada para guru kita iaitu Al-Allamah al-Imam Ahmad Zaini Dahlan yang disebutkan juga (berkata bahawa) sebagai penjagaan daripada syaitan di sepanjang tahun, kamu bacalah setiap hari daripada sepuluh hari terawal daripada bulan Muharram sebanyak 3 kali: *Allahumma innaka Qadimun...* (iaitu doa di atas).”

## Rujukan:

(1) **Kanz an-Najah wa as-Surur fi Ad'iyah allati Tasyrahu ash-Shudur (Keutamaan Bulan Hirjah)**, Al-Allamah Syaikh Abdul Hamid bin Muhammad Ali bin Abdul Qadir Quds al-Makki, terjemahan Ustaz Ahmad Imron R, Surabaya: Mutiara Ilmu Agency, Cetakan Pertama, 1431H/ 2010M.

(2) **Tuhfah al-Awthan wa al-Ikhwan fi Zikr Ba'dh al-Azkar wa al-Awrad wa al-Ad'iyah allati tata'allaqu bi al-Awqat wa al-Azman**, Al-Allamah Syaikh Ahmad bin Muhammad Sa'id bin Jamaluddin al-Linqi (al-Linggi) al-Malayuwi, tanpa cetakan, tanpa tahun (cetakan kedua dengan kebenaran kerajaan Negeri Sembilan mengikut surat kebenaran: N.S.1155/49), (ms. 41, 44)

(3) **Al-Kunuz al-Hashinah fi al-Ad'iyah ats-Tsaminah (Amalan Salafus Sholeh Pada Waktu-waktu Yang Mulia Dalam Masa Setahun)**, Al-Habib Muhammad Amin bin Idrus al-Husaini, Jember: Pustaka Syeikh Abu Bakar bin Salim, Cetakan Ke-2, 1439H/ 2018M, (ms. 20-22)

(4) **Al-Fadho'il: Fadilah & Amaliah Bulan-bulan Hijriyah**, Ibnu Marwa, Kediri: Al-Qudsy Press (Lirboyo Press), Cetakan Pertama, 2013, (ms. 15, 16, 18, 19)

Disediakan oleh:  
*Al-Faqir ilallahil Qadir*,  
Ustaz Muhadir Haji Joll,  
Selasa, 1 Muharram 1443H/ 10 Ogos 2021M,  
Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.